

Kesahan Kandungan Instrumen Sikap Keusahawanan Dalam ke Arah Kesiediaan Penerapan Elemen Keusahawanan bagi Guru Pelatih TVET Berdasarkan Indeks Kesahan Kandungan (CVI)

Content Validity of Internal Entrepreneurial Attitude Instrument Towards Readiness to Apply Entrepreneurial Elements for TVET Trainee Teachers Using Content Validity Index (CVI)

Zabidi Abdul Wahab¹, Siti Zuraidah Md Osman^{1*}, Noor Hazlina Ahmad²

¹ Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan,
Universiti Sains Malaysia (USM), Minden, Pulau Pinang, 11800, MALAYSIA

² Pusat Pengajian Pengurusan,
Universiti Sains Malaysia (USM), Minden, Pulau Pinang, 11800, MALAYSIA

*Pengarang Utama: zubidie@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.30880/ritvet.2025.05.01.019>

Maklumat Artikel

Diserah: 14 Januari 2025

Diterima: 20 Jun 2025

Diterbitkan: 30 Jun 2025

Kata Kunci

Indeks Kesahan Kandungan (CVI),
Sikap keusahawanan dalaman,
Kesiediaan penerapan, Guru pelatih
TVET

Abstrak

Sikap keusahawanan dalaman guru pelatih TVET boleh mempengaruhi sejauh mana mereka bersedia mengaplikasikan elemen keusahawanan dalam bidang pengajian mereka. Maka, instrumen bagi mengukur sikap keusahawanan dalaman perlu dikenalpasti dan disahkan. Kesahan kandungan adalah satu kaedah yang diperlukan untuk menilai kesesuaian instrumen menjadi alat ukur yang berkesan. Kajian ini menggunakan kaedah Indeks Kesahan Kandungan (Content Validity Indeks-CVI) untuk menilai kesahan kandungan instrumen. Instrumen yang dinilai mengandungi 17 item berdasarkan tiga domain. Seramai lapan orang pakar telah dipilih melalui persampelan bertujuan untuk mengambil bahagian dalam kajian ini. Para pakar terdiri daripada lima orang pakar profesional dalam psikometrik, penilaian, psikologi pendidikan, bahasa, dan keusahawanan dan tiga orang pakar awam adalah pengamal penerapan elemen keusahawanan dalam bidang profesional masing-masing. Hasil maklum balas pakar, 15 item diterima dengan satu item diubahsuai dan dua item digugurkan. Hasil kajian memperoleh nilai S-CVI=0.93 menunjukkan bahawa instrumen yang dibina mempunyai kesahan kandungan yang relevan dan berpotensi menjadi instrumen yang dapat mengukur sikap keusahawanan dalaman guru pelatih TVET.

Seterusnya analisis dan kajian lanjutan dicadangkan bagi menilai hubungan dan pengaruh antara sikap keusahawanan dalaman dengan kesediaan penerapan elemen keusahawanan.

Keywords

Content Validity Index (CVI), Internal entrepreneurial attitude, Readiness to apply, TVET trainee teacher

Abstract

The internal entrepreneurial attitude of TVET trainee teachers can influence how well they are ready to apply entrepreneurial elements. Therefore, an instrument to measure internal entrepreneurial attitudes needs to be identified and validated. Content validity is a necessary method to assess the suitability of an instrument to be an effective measuring tool. This study utilised the Content Validity Index (CVI) method to assess the validity of the instrument content. The evaluated instrument contains 17 items based on three domains. A total of eight experts were selected through purposive sampling to participate in this study. The experts consisted of five professional experts in psychometrics, assessment, educational psychology, languages, and entrepreneurship and three lay experts who are practitioners of the application of entrepreneurial elements in their respective professional fields. Based on experts' feedback, 15 items accepted together with one item modified while two items were rejected. The results of the study show the adapted instrument has relevant content validity and potentially can measure the internal entrepreneurial attitudes among TVET trainee teachers with S-CVI value of 0.93. Furthermore, further analysis and studies are proposed to evaluate the relationship and influence between internal entrepreneurial attitudes and the readiness to apply entrepreneurial elements.

1. Pengenalan

Kesediaan guru pelatih bidang pendidikan dan latihan teknologi dan vokasional (Technology and Vocational Education and Training-TVET) melaksanakan sesuatu amalan merupakan aspek yang penting dalam menentukan kejayaan dan kegagalan pelaksanaan kurikulum pendidikan guru. Antara aspek pelaksanaan kurikulum yang ditekankan di IPG adalah penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan guru pelatih (Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2022). Semua guru pelatih IPG mempelajari elemen keusahawanan melalui kaedah penerapan dalam kursus-kursus di IPG. Penerapan elemen keusahawanan boleh dilaksanakan sama ada dengan pendekatan penyebatian sekiranya aktiviti pengajaran secara jelas berkisar tentang elemen keusahawanan, atau pendekatan pengintegrasian pada mana-mana langkah pengajaran sekiranya aktiviti pengajaran tidak jelas membincangkan elemen keusahawanan, atau pengaplikasian pada akhir sesi pengajaran dengan menghubungkaitkan hasil pembelajaran dengan situasi keusahawanan sebenar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Kursus-kursus di IPG yang kandungannya terdapat elemen keusahawanan akan membina sikap keusahawanan dalaman bagi mewujudkan kesediaan penerapan elemen keusahawanan dalam bidang pengajian guru pelatih IPG. Penerapan tersebut dilaksanakan sama ada melalui kaedah kuliah, tutorial, kajian kes, pelaksanaan projek atau kerja lapangan. Hasil daripada penerapan elemen keusahawanan dengan kaedah tersebut, guru pelatih akan mencapai hasil-hasil pembelajaran berkaitan elemen yang diterapkan (Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2019).

Sungguhpun begitu, guru pelatih masih belum jelas menunjukkan penguasaan sikap keusahawanan dalaman. Hal ini mengakibatkan 58.4 peratus guru pelatih tidak dapat mempraktikkan sikap keusahawanan dalaman (Zulfikri, 2021) dan tidak menunjukkan sikap keusahawanan dalaman dalam tindakan mereka (Rahman et al., 2020). Natijahnya, sikap keusahawanan dalaman yang rendah akan menggagalkan kesediaan penerapan elemen keusahawanan (Ramli & Seman, 2020) dan guru pelatih tidak tahu menerapkan sikap keusahawanan dalaman (Awosika et al., 2021) dalam bidang pengajian mereka. Sikap keusahawanan yang rendah adalah di luar jangkaan (Omar et al., 2021; Ong et al., 2020) dan menjejaskan kemampuan menerap atau mengaplikasikannya.

Oleh itu, kesediaan guru pelatih TVET menerapkan elemen keusahawanan dalam bidang pengajian mereka perlu diberi perhatian yang khusus kerana kesediaan yang tinggi membantu proses penerapan yang berkualiti dan bermakna. Kenyataan ini bertepatan dengan kajian Devoci & Seikkula-Leino (2018) dan Njati (2020) yang menyatakan bahawa penerapan elemen keusahawanan yang mapan perlu bermula pada peringkat latihan perguruan tanpa mengira bidang pengajian guru pelatih. Guru pelatih yang didedahkan dengan elemen keusahawanan akan berfikir dan bertindak secara inovatif (Njati, 2020) yang dapat memberi panduan atau

menjadi model peranan kepada murid dalam tindakan mereka. Untuk memastikan pelaksanaan penerapan elemen keusahawanan berlaku dengan baik, guru pelatih TVET perlu mempunyai tahap kesediaan yang baik yang dipupuk melalui latihan atau kursus supaya mempunyai pengetahuan, kemahiran dan sikap yang sepatutnya dalam menyebarkan elemen keusahawanan. Menurut Faizu dan Othman (2020), elemen keusahawanan ini merupakan satu disiplin yang boleh dipelajari oleh sesiapa sahaja termasuklah guru pelatih TVET. Menurut teori tingkah laku terancang (Ajzen, 1991), antara faktor penentu kepada kesediaan dan niat individu melakukan sesuatu adalah sikap individu terhadap sesuatu perlakuan. Oleh itu, sikap keusahawanan yang wujud dalam diri guru pelatih TVET perlu dinilai menggunakan instrumen dengan kandungan item yang betul dan disahkan oleh pakar.

Berdasarkan keperluan dan kepentingan sikap keusahawanan dalaman untuk memberi kesediaan penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan guru pelatih, maka kajian ini perlu menilai kesahan kandungan instrumen sikap keusahawanan dalaman guru pelatih TVET. Pelaksanaan proses penilaian kesahan instrumen akan dijalankan dengan sewajarnya. Oleh itu, instrumen yang menepati kesahan dan kebolehpercayaan perlu digunakan untuk menilai sejauh mana sikap keusahawanan dalaman guru pelatih TVET dalam memberi kesediaan penerapan elemen keusahawanan dalam bidang pengajian mereka. Kandungan instrumen seharusnya benar-benar mengukur sikap keusahawanan dalaman bagi guru pelatih TVET. Kajian ini akan memberi tumpuan kepada unsur-unsur ujian kesahan kandungan bagi instrumen yang dibina melalui adaptasi daripada instrumen dan literatur kajian lepas yang disesuaikan dengan konteks kajian ini menggunakan kaedah Indeks Kesahan Kandungan (*Content Validity Index-CVI*).

Kaedah CVI adalah berdasarkan penilaian pakar mengenai kesesuaian item dalam mengukur sesuatu konstruk. Polit et al. (2007) telah membandingkan CVI dengan indeks alternatif yang lain dan merumuskan CVI yang digunakan secara meluas mempunyai kelebihan disebabkan oleh kaedah pengiraan yang mudah, mudah difahami, fokus kepada kesesuaian persetujuan dan bukannya persetujuan semata-mata, memberi tumpuan kepada konsensus dan bukannya konsistensi, dan menunjukkan kesahan bagi setiap item secara individu dan skala atau instrumen secara keseluruhan. Manakala, satu kekurangan CVI ialah kelemahannya untuk menyesuaikan persetujuan secara bersama-sama antara pakar yang terlibat. Namun, Polit et al. (2007) menyelesaikan isu persetujuan ini dengan mengira CVI peringkat item (I-CVI) kepada nilai statistik kappa yang diubah suai. Hasil pengiraan Polit et al. (2007) mencadangkan bahawa item dengan I-CVI 0.78 atau lebih tinggi untuk tiga atau lebih pakar boleh dianggap sebagai bukti kesahan kandungan yang baik. Oleh itu, kajian ini lebih tertumpu kepada bagaimana CVI dapat memastikan setiap item dalam instrumen mencerminkan dengan tepat elemen sikap keusahawanan dalaman guru pelatih TVET bagi mewujudkan kesediaan penerapan elemen keusahawanan dalam bidang pengajian mereka. Maka kajian ini bertujuan menilai kesahan kandungan instrumen sikap keusahawanan dalaman bagi mewujudkan kesediaan penerapan elemen keusahawanan bagi guru pelatih TVET di IPG.

2. Tinjauan Literatur

2.1 Sikap Keusahawanan Dalaman

Sikap keusahawanan dalaman merupakan nilai dalaman berkaitan ciri-ciri keusahawanan yang wujud dalam diri seseorang (Wahab et al., 2024). Manakala Buang (2013) menjelaskan sikap keusahawanan dalaman sebagai satu keadaan di mana individu mengintegrasikan keusahawanan dalam profesionnya agar dapat dimanfaatkan kepada organisasi. Dalam konteks guru pelatih IPG, sikap keusahawanan dalaman seharusnya dapat dimanfaatkan untuk menyumbang idea pembaharuan secara berterusan, mampu membangunkan sesuatu dengan kreatif dan inovatif serta dapat mempertimbangkan risiko yang mungkin dihadapi (Ilias et al., 2020). Selain itu juga, guru pelatih harus berkebolehan dalam mencipta konsep-konsep baharu serta memburu peluang baharu melangkaui tugas dan peranan dalam rutin harian mereka (Antoncic & Hisrich, 2003) tidak sekadar memperoleh ilmu dalam bidang pengkhususan semata-mata.

Antoncic & Hisrich (2003) dalam kajiannya menemui penggunaan istilah sikap keusahawanan dalaman (*intrapreneurship*) mula digunakan oleh MacRae (1982) dan seterusnya Pinchot (1987) mengembangkan penggunaan istilah tersebut. *Intrapreneurship* wujud bila individu mengaplikasikan sikap keusahawanannya mewujudkan inovasi dalam sesebuah organisasi berdasarkan jangkaan dan peluang pada masa hadapan (Pinchot, 1987). Rauch dan Frese (2000) pula mendapati mengenal pasti peluang, keberanian menghadapi risiko, berinisiatif sebagai ciri-ciri individu yang memiliki sikap keusahawanan dalaman. Manakala Ali & Buang (2018) dan beberapa pengkaji lain (Omar & Othman, 2021; Mohamad & Othman, 2018; Nasir & Safran, 2014) menyatakan bahawa keinginan untuk cemerlang serta kreatif dan inovatif sebagai ciri sikap keusahawanan dalaman. Lantaran itu, sikap keusahawanan dalaman dalam kajian ini melihat dimensi keberanian mengambil risiko, keinginan untuk cemerlang serta kreativiti dan inovasi.

Gantung dan Othman (2018) mendapati sikap keusahawanan dalaman, tingkah laku dan kesediaan keusahawanan tidak terhad kepada usahawan sahaja tetapi personaliti ini merupakan sesuatu yang universal

serta boleh dipupuk di setiap peringkat termasuklah kepada guru dan pentadbir sekolah. Justeru, adalah penting menerapkan sikap keusahawanan terutamanya kepada guru pelatih, supaya mereka menjadi guru bercirikan keusahawanan bagi melahirkan murid yang seimbang dan holistik (Nasir & Safran, 2014). Sikap dan pemikiran keusahawanan yang diamalkan mampu mencorakkan kecemerlangan dalam aktiviti pengurusan dan pentadbiran institusi pendidikan dan amat diperlukan untuk membantu pentadbir mengurus organisasi dengan berkesan, bermatlamat dan cemerlang (Gantung & Othman, 2018).

Dalam kajian yang dijalankan oleh Ali & Buang (2019) (Ali & Buang, 2019), dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat pengaruh signifikan yang positif antara sikap keusahawanan dalaman dan kesediaan penerapan elemen keusahawanan. Hal ini menunjukkan bahawa guru memiliki sikap keusahawanan dalaman dari aspek keberanian mengambil risiko, kreatif, berinovasi, dan mempunyai keinginan untuk cemerlang. Memiliki ciri-ciri tersebut dengan usaha proaktif guru akan mendorong keberkesanan proses pembelajaran dan memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran sentiasa ditingkatkan. Omar & Othman (2021) berpendapat bahawa sikap terhadap keusahawanan perlu dibentuk melalui penerapan elemen keusahawanan kepada pelajar atau guru pelatih.

Sikap individu mempunyai pengaruh yang kuat terhadap kesediaan individu dengan menilai sejauh mana kepentingan hasil daripada kesediaan tersebut (Nasir & Safran, 2014). Walau bagaimanapun, dalam kajian Rahimi dan Buang (2017) menunjukkan pengaruh yang sederhana antara sikap keusahawanan dengan kesediaan keusahawanan. Pengaruh yang wujud antara sikap keusahawanan dalaman akan memberi kecenderungan kepada individu untuk bertindak ke arah menggunakan gerak hati dengan mengambil risiko yang sederhana. Individu yang sebegini juga cenderung untuk mencari kepuasan hasil daripada penyelesaian tugas yang cemerlang. Malahan mereka juga mampu untuk mengubah persekitaran dengan mengambil inisiatif dan menganalisis situasi dan mewujudkan rancangan untuk bertindak (Buang, 2013). Berdasarkan kajian Te et al. (2019) pula, sikap keusahawanan mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap tekad keusahawanan, lalu boleh disimpulkan bahawa sikap terhadap keusahawanan mempunyai impak yang signifikan terhadap kesediaan keusahawanan individu.

Hasil daripada beberapa kajian lepas menunjukkan bahawa sikap keusahawanan dalaman mempengaruhi kesediaan penerapan elemen keusahawanan. Kesediaan penerapan elemen keusahawanan tidak dapat diwujudkan tanpa ada sikap keusahawanan dalaman yang memandu kesediaan tersebut bagi guru pelatih. Berdasarkan R. Ali & Buang (2019) dan sokongan literatur kajian (Antoncic & Hisrich, 2003; Gantung dan Othman, 2018; Te et al., 2019; Omar & Othman, 2021) sikap keusahawanan dalaman dapat dikenal pasti berdasarkan ciri-ciri keberanian mengambil risiko, keinginan untuk cemerlang dan kreativiti dan berinovasi. Pengkaji menggunakan instrumen soal selidik yang diadaptasi daripada kajian Ali (2019) bagi menilai sikap keusahawanan dalaman dengan melakukan beberapa pengubahsuaian berdasarkan literatur kajian dan kesesuaian objektif kajian. Oleh itu, penilaian pakar bagi kesahan kandungan instrumen soal selidik sikap keusahawanan dalaman yang diadaptasi perlu dinilai agar bersesuaian dengan konteks kajian.

2.2 Indeks Kesahan Kandungan (Content Validity Indeks-CVI)

Pendekatan pengesahan kandungan berdasarkan Polit & Beck (2006) dan Polit et al. (2007) selaras dengan saranan Lynn (1986) dengan mengira dua jenis CVI iaitu melibatkan kesahan kandungan setiap item dan yang kedua melibatkan kesahan kandungan keseluruhan skala atau instrumen. Menurut Polit et al. (2007) lagi, terdapat konsensus tentang cara mengira CVI peringkat item yang dirujuk sebagai I-CVI dengan hasil skor yang sama, manakala terdapat dua kaedah pengiraan CVI peringkat skala yang dirujuk sebagai S-CVI untuk tujuan membezakan antara dua jenis CVI. Panel pakar kandungan akan diminta untuk menilai setiap item dengan memberikan skala persetujuan tentang kesesuaian item dengan konstruk yang hendak diukur. Lynn (1986) menyarankan sekurang-kurangnya tiga orang pakar dan tidak perlu melebihi 10 orang pakar kerana jumlah pakar yang ramai tidak memberi nilai tambah yang relevan kepada CVI.

Menurut Polit & Beck (2006), para penyelidik cenderung menggunakan skor I-CVI untuk memandu mereka menyemak, menambah baik, memadam atau menggantikan item. Walau bagaimanapun, dalam pelaporan kajian, penyelidik biasanya tidak memberikan maklumat tentang skor I-CVI. Sebaliknya nilai I-CVI hanya dilaporkan dalam kajian berbentuk metodologi yang memberi tumpuan kepada penerangan proses pengesahan kandungan. Polit et al. (2007) menambah bahawa apa yang paling kerap dilaporkan dalam kajian pembangunan skala atau instrumen ialah CVI untuk keseluruhan instrumen, maka ia menjadi masalah untuk dirujuk bagi konteks I-CVI.

Bagi kesahan kandungan peringkat skala, terdapat dua pendekatan untuk mengira S-CVI apabila terdapat lebih daripada dua orang pakar. Malangnya, hampir semua pembina skala tidak pernah melaporkan prosedur yang mereka gunakan (Polit & Beck, 2006). Satu pendekatan ialah memerlukan persetujuan secara konsensus dalam kalangan pakar kandungan terhadap sesuatu item. Oleh itu hanya item-item yang dipersetujui oleh semua pakar akan diterima sebagai item dalam skala atau instrumen bagi mengukur sesuatu konstruk. Manakala item yang tidak dipersetujui secara konsensus akan ditolak atau memerlukan penambahbaikan berdasarkan maklum balas pakar yang tidak bersetuju. Polit & Beck (2006) merujuk kepada pendekatan ini sebagai S-CVI/UA (*universal agreement*).

Kajian oleh Sapena et al. (2022) berkaitan kesahan kandungan instrumen menilai maklumat dalam laman web adalah merujuk kepada kajian Polit & Beck (2006) dan Polit et al. (2007) dalam pelaksanaan kajian dan mengira nilai CVI. Dapatan kajian Sapena et al. (2022) menunjukkan nilai S-CVI 0.87. Selain itu, Mensan et al. (2020) dan Marzuki et al. (2018) juga melaksanakan kajian pendekatan CVI berdasarkan rujukan kepada kajian Polit et al. (2007). Kajian Mensan et al. (2020) adalah berkenaan kesahan kandungan modul pembelajaran dengan memperoleh nilai S-CVI=0.83. Manakala Marzuki et al. (2018) mengesahkan kandungan instrumen kajian kebolegunaan sistem aplikasi mudah alih dalam pendidikan yang mencapai nilai S-CVI=0.91. Sementara itu, Knebel et al. (2022) menggunakan pendekatan yang berbeza dalam menilai CVI instrumen, dengan mengkategorikan kepada kejelasan instrumen dan perwakilan instrumen. Kajian beliau menunjukkan dua nilai S-CVI iaitu S-CVI=0.94 dalam aspek kejelasan instrumen dan S-CVI=0.98 bagi aspek mewakili tempoh perlakuan menatap skrin bagi remaja, sama ada untuk belajar, bekerja, berbincang, bermain permainan video, atau bersosial media.

Pendekatan lain untuk S-CVI ialah mengira purata I-CVI bagi keseluruhan item dalam sesuatu skala. Pendekatan ini tidak memerlukan persetujuan pakar secara konsensus terhadap sesuatu item untuk diterima dalam sesuatu skala. Sebaliknya, purata minima keseluruhan I-CVI dengan nilai 0.90 yang dirujuk sebagai S-CVI/Ave akan diterima sebagai skala dalam mengukur sesuatu konstruk. Sungguhpun begitu, Polit & Beck (2006) mendapati penulis kajian pembangunan skala hampir tidak pernah menunjukkan kaedah atau pendekatan yang mereka gunakan untuk mengira S-CVI. Justeru jurang penulisan dan pelaporan kajian tersebut perlu diatasi, lebih lagi pendekatan S-CVI/UA dan S-CVI/Ave boleh menghasilkan nilai yang sangat berbeza.

Rumusannya, Polit & Beck (2006) dan Polit et al. (2007) mengesyorkan bahawa untuk skala dinilai sebagai memiliki kesahan kandungan yang sangat baik, ia perlu terdiri daripada item-item dengan nilai I-CVI yang memenuhi kriteria Lynn (1986) iaitu I-CVI = 1.00 bagi penilaian 3 hingga 5 orang pakar dan I-CVI minimum 0.78 untuk 6 hingga 10 orang pakar atau sebaik-baiknya 0.83 ke atas. Sementara itu, nilai yang wajar bagi S-CVI/Ave adalah sekurang-kurangnya 0.90.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian secara tinjauan menggunakan instrumen soal selidik. Dua kategori pakar iaitu pakar profesional dan pakar awam (lay expert) dipilih dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan dimana pakar dipilih berdasarkan kelayakan, pengalaman, dan kesesuaian bidang mereka berkaitan subjek yang dikaji (Bougie & Sekaran, 2020). Oleh itu, persampelan bertujuan adalah kaedah terbaik untuk memastikan sampel benar-benar sesuai dengan kemampuan dan kepakaran mereka dalam menilai dan mengesahkan kandungan item bagi mencapai objektif kajian. Beberapa penyelidik menyatakan kesahan instrumen sebagai mengukur apa yang patut diukur (Cohen et al., 2018), iaitu menggunakan alat mengukur yang tepat untuk mengukur bagi mencapai objektif tertentu. Oleh itu sampel yang dipilih perlu memiliki kepakaran dalam menentukan item benar-benar mengukur berdasarkan konteks kajian.

Soal selidik bagi mengukur konstruk sikap keusahawanan dalaman adalah berdasarkan kajian Ali (2019) yang dibina berdasarkan literatur kepada konsep keusahawanan dalaman yang diketengahkan oleh Antoncic & Hisrich (2003). Sikap keusahawanan dalaman merujuk kepada sikap dalaman individu yang memandu dan mendorong kepada tindakan ke arah keusahawanan (Buang, 2013). Konstruk dan item yang digunakan oleh Ali (2019) adalah bersesuaian dengan objektif kajian dalam menilai tahap sikap keusahawanan dalaman yang wujud dalam diri pensyarah IPG. Namun pengubahsuaian perlu dilakukan agar bersesuaian dengan konteks kajian ini iaitu mengkaji guru pelatih TVET di IPG. Oleh itu, pengesahan kandungan instrumen kajian perlu dilaksanakan dengan merujuk kepada pakar kandungan bersesuaian dengan konteks kajian.

Aspek kesahan yang utama dalam melaksanakan kajian kuantitatif adalah kesahan kandungan. Pendekatan asas bagi menentukan kesahan kandungan sesuatu instrumen adalah dengan mendapat maklum balas daripada pakar bidang berkaitan kajian yang hendak dilaksanakan (Ary et al., 2019). Pakar tersebut akan menilai kesesuaian kandungan item dalam instrumen berdasarkan latar belakang responden yang akan menjawab soal selidik, tahap kesukaran pernyataan item untuk difahami, dan kesesuaian dengan objektif kajian yang dilaksanakan. Instrumen yang mempunyai kesahan yang tinggi adalah apabila instrumen tersebut dapat mengukur perkara yang ingin dikaji (Creswell & Creswell, 2018). Dalam kajian ini, kaedah yang digunakan adalah dengan menentukan kesahan kandungan item-item dalam instrumen soal selidik bagi konstruk sikap keusahawanan dalaman dengan merujuk kepada pakar profesional dalam pelbagai bidang dan pakar awam. Kesahan kandungan setiap item soal selidik serta kesesuaian item yang dibentuk dalam kajian ini perlu dinilai oleh antara tiga sehingga 10 orang pakar seperti dicadangkan Polit et al. (2007) atau antara enam sehingga 10 orang (Yusoff, 2019).

Soal selidik diedarkan melalui alamat emel pakar setelah mendapat persetujuan dan kesediaan pakar menjadi responden bagi penilaian kesahan kandungan item sikap keusahawanan dalaman. Dengan kaedah CVI dalam menentukan kesahan kandungan sesuatu instrumen, setiap pakar akan membuat penilaian bagi setiap item dalam soal selidik berdasarkan empat skala iaitu (1) tidak relevan (2) kurang relevan (3) agak relevan (4) sangat relevan (Polit et al., 2007). Pengumpulan maklum balas pakar berdasarkan skala tersebut bagi memudahkan pengkaji

mengkategorikan item sama ada diterima atau tidak diterima oleh pakar iaitu skala 1 dan 2 sebagai tidak diterima dan skala 3 dan 4 sebagai diterima oleh pakar berkenaan. Pakar juga diminta menilai kesesuaian kandungan item bagi setiap konstruk, laras bahasa digunakan, susunan persembahan item, dan kesesuaian pengukuran dengan aspek yang perlu diukur. Cadangan pengubahsuaian dan pemurnian soal selidik juga diperlukan sekiranya pakar keliru atau tidak berpuas hati dengan mana-mana item.

Seterusnya, hasil penilaian keseluruhan pakar dalam bentuk skala persetujuan akan dianalisis dengan kaedah CVI. Setiap skala yang diberikan pakar, akan dikategorikan kepada item diterima dan item tidak diterima, iaitu berdasarkan pilihan skala antara 1 hingga 4 (Polit et al., 2007). Skala 1 dan 2 akan dikategorikan sebagai item tidak diterima atau item ditolak dengan diberi nilai "0" manakala pilihan skala 3 dan 4 dikategorikan sebagai item diterima oleh pakar dan diberi nilai "1" agar boleh dianalisis dengan menggunakan kaedah Indeks Kesahan Kandungan (*Content Validity Indeks-CVI*) seperti dicadangkan oleh Polit et al. (2007). Berdasarkan kaedah CVI, kesahan item dengan mengira nilai I-CVI dan kesahan konstruk dengan menggunakan nilai S-CVI/Ave dapat ditentukan. Kaedah pengiraan I-CVI adalah dengan menjumlah persetujuan pakar terhadap sesuatu item dan dibahagikan dengan jumlah pakar ($I-CVI = \text{Jumlah persetujuan pakar terhadap item-x} / \text{jumlah pakar}$).

$$I-CVI = \frac{\text{Jumlah Pakar Bersetuju dengan Item}}{\text{Jumlah Pakar}}$$

Manakala pengiraan S-CVI/Ave adalah dengan menjumlah skor I-CVI dan dibahagikan kepada jumlah keseluruhan item dalam konstruk tertentu ($S-CVI/Ave = \text{Hasil Tambah skor I-CVI} / \text{Jumlah item bagi konstruk-x}$).

$$S-CVI/Ave = \frac{\text{Hasil Tambah Skor I-CVI}}{\text{Jumlah Item}}$$

Bagi I-CVI, kesahan kandungan bagi setiap item adalah berpandukan kepada nilai ambang yang dicadangkan oleh Lynn (1986) dan Polit et al. (2007) iaitu 0.78 atau lebih tinggi bagi jumlah lapan orang pakar, manakala Yusoff (2019) mencadangkan nilai ambang 0.83. Sementara itu, bagi S-CVI/Ave, nilai ambang yang ditetapkan adalah sekurang-kurangnya 0.90 seperti dicadangkan oleh Polit et al. (2007) dan Lynn (1986).

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Seramai lapan orang pakar telah dilantik bagi tujuan pengesahan kandungan set soal selidik. Pemilihan pakar-pakar ini adalah berdasarkan pengalaman dan kepakaran dalam bidang masing-masing dan kesemua pakar memiliki ijazah kedoktoran (PhD). Para pakar terdiri daripada lima orang pakar profesional dalam penilaian psikometrik, psikologi pendidikan, bahasa, dan keusahawanan dan tiga orang pakar awam adalah pensyarah sebagai pengamal penerapan elemen keusahawanan dalam bidang profesional masing-masing. Kadar maklum balas yang diterima daripada semua pakar profesional dan pakar awam adalah 100 peratus. Semua panel pakar (pakar profesional dan awam) menyelesaikan penilaian mereka dalam tempoh masa yang diberikan. Seramai lima orang panel pakar profesional adalah ahli akademik yang berkhidmat sebagai pensyarah IPT dan IPG pelbagai kepakaran serta terlibat dalam penyelidikan bidang pendidikan. Manakala tiga orang panel pakar awam adalah para pensyarah yang terlibat secara langsung dalam proses penerapan elemen keusahawanan di IPT dan IPG. Senarai maklumat pakar dengan bidang kepakaran dan tahun pengalaman bagi panel pakar bidang profesional dan pakar awam boleh dilihat dalam Jadual 1.

Jadual 1 Maklumat Pakar Penilai Kesahan Kandungan

Pakar	Pengkhususan / Kepakaran	Pengalaman bekerja	Nama Institusi	Kategori Kepakaran
1	Keusahawanan / Keusahawanan Islam	17 Tahun	Universiti Utara Malaysia (UUM)	Pakar Profesional
2	Keusahawanan (TVET) dan Pentadbiran Perniagaan	19 Tahun	IPG Kampus Sultan Abdul Halim (IPGKSAH)	Pakar Profesional
3	Etika dan Agama / Psikologi Pendidikan	17 Tahun	Universiti Teknologi Mara (UiTM)	Pakar Profesional
4	Pembangunan Instrumen Sosial / SEM (PLS/Amos)	18 Tahun	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	Pakar Profesional
5	Bahasa / Kajian Kuantitatif	23 Tahun	IPG Kampus Sarawak	Pakar Profesional
6	Pendidikan Keusahawanan dan Penilaian Program	32 Tahun	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	Pakar Awam

Pakar	Pengkhususan / Kepakaran	Pengalaman bekerja	Nama Institusi	Kategori Kepakaran
7	Pedagogi Guru / Smart-PLS	22 Tahun	IPG Kampus Sultan Mizan (IPGKSM)	Pakar Awam
8	Penerapan Nilai dalam Pendidikan / Kajian Kuantitatif	19 Tahun	IPG Kampus Darul Aman (IPGKDA)	Pakar Awam

Hasil daripada maklum balas pakar kandungan dirumuskan dalam Jadual 2. Jadual 2 menyenaraikan pernyataan item, jumlah pakar yang menerima atau bersetuju dengan pernyataan item, nilai I-CVI bagi setiap item, dan tindakan yang diambil berdasarkan nilai I-CVI dan komen pakar sama ada item diterima dengan mengekalkan pernyataan asal atau diubah suai, ataupun digugurkan. Nilai S-CVI/Ave ditunjukkan pada baris terakhir dalam jadual 2.

Jadual 2 Pengesahan Kandungan dengan Analisis I-CVI dan S-CVI bagi Instrumen Sikap Keusahawanan Dalam

Item	Pernyataan	Jumlah pakar terima	Nilai I-CVI	Tindakan (Terima/Kekal/Ubahsuai/ Gugur)
SK1	Sebelum melakukan sesuatu perkara saya sudah fikirkan kesan dan akibatnya.	8	1.00	Terima / Kekal
SK2	Saya sanggup menempuh pelbagai risiko untuk merealisasikan matlamat perniagaan.	8	1.00	Terima / Kekal
SK3	Saya berusaha mendapatkan sesuatu kebaikan dalam menguruskan sesuatu walaupun berhadapan risiko.	8	1.00	Terima / Kekal
SK4	Sebelum bertindak, saya akan analisis risikonya secara bijaksana.	8	1.00	Terima / Kekal
SK5	Pada masa-masa tertentu, saya perlu mengambil risiko dalam tindakan saya.	7	0.88	Terima / Kekal
SK6	Saya sentiasa berkeinginan untuk memperbaiki prestasi.	8	1.00	Terima / Kekal
SK7	Saya sentiasa berusaha untuk memberikan kepuasan yang terbaik kepada pelanggan.	5	0.63	Gugur
SK8	Saya menerima kesilapan yang dilakukan walaupun ia tidak patut berlaku.	7	0.88	Terima / Ubahsuai
SK9	Saya sentiasa mempunyai keazaman yang tinggi untuk mencapai keuntungan perniagaan.	8	1.00	Terima / Kekal
SK10	Saya berusaha gigih untuk membina keupayaan diri bagi memperoleh kejayaan.	8	1.00	Terima / Kekal
SK11	Saya sentiasa beriltizam untuk mencapai kejayaan.	7	0.88	Terima / Kekal
SK12	Saya berupaya menyelesaikan masalah dengan idea baharu.	8	1.00	Terima / Kekal
SK13	Saya akan sentiasa memberi pandangan yang munasabah dalam menangani sesuatu situasi.	5	0.63	Gugur
SK14	Saya mampu menilai sesuatu idea secara kritis.	7	0.88	Terima / Kekal
SK15	Saya dapat menambah baik idea orang lain.	8	1.00	Terima / Kekal
SK16	Saya mudah untuk menyelesaikan masalah dengan idea sendiri.	8	1.00	Terima / Kekal
SK17	Saya akan dapat mencipta sesuatu yang baharu dengan adanya teknologi terkini.	8	1.00	Terima / Kekal
		S-CVI/Ave	0.93	

Berdasarkan Jadual 2, dua item iaitu SK7 dan SK13 perlu digugurkan kerana nilai I-CVI bagi item-item berkenaan adalah kurang daripada nilai ambang 0.78 yang ditetapkan (Polit et al., 2007; Lynn, 1986). Manakala item SK8, SK11 dan SK14 dengan nilai I-CVI 0.88 diterima kerana melebihi nilai ambang I-CVI 0.78. Namun, item SK8 diubahsuai pernyataannya berdasarkan cadangan dan komen pakar kepada “Saya dapat menerima kesilapan sendiri yang dilakukan sebagai pengajaran”. Oleh yang demikian, jumlah item yang diterima berdasarkan analisis CVI bagi soal selidik ini adalah 15 item setelah dua item digugurkan. Sementara itu, nilai purata S-CVI/Ave bagi keseluruhan instrumen bagi konstruk sikap keusahawanan dalaman adalah 0.93 melebihi nilai ambang 0.90. Maka instrumen ini sesuai digunakan bagi mengukur konstruk tersebut.

Pengkaji berpandukan kajian Yusoff (2019) bagi langkah pelaksanaan pengesahan kandungan kaedah CVI dan merujuk kepada kajian Polit et al. (2007) dan Polit & Beck (2006) dalam mentafsir nilai I-CVI dan S-CVI/Ave. Nilai S-CVI=0.93 bagi kajian ini menunjukkan kesahan kandungan yang tinggi berbanding kajian lain yang menggunakan pendekatan CVI. Kajian oleh Sapena et al. (2022) berkaitan kesahan kandungan instrumen menilai maklumat dalam laman web menunjukkan nilai S-CVI 0.87. Manakala Mensan et al. (2020) memperoleh nilai S-CVI = 0.83 bagi kajian kesahan kandungan modul pembelajaran. Sementara itu, Marzuki et al. (2018) dalam mengesahkan kandungan instrumen kajian kebolegunaan sistem aplikasi mudah alih dalam pendidikan yang mencapai nilai S-CVI=0.91. Sungguhpun begitu, kajian oleh Knebel et al. (2022) menunjukkan nilai S-CVI yang lebih tinggi berbanding kajian ini. Namun kajian beliau melibatkan dua fokus, iaitu kejelasan instrumen dan perwakilan instrumen bagi mengkaji tempoh menatap skrin bagi remaja. Dapatan kajian beliau menunjukkan nilai S-CVI=0.94 dalam aspek kejelasan instrumen dan S-CVI=0.98 bagi aspek mewakili tempoh perlakuan menatap skrin, iaitu menilai sama ada instrumen benar-benar mewakili setiap perlakuan menatap skrin sama ada untuk belajar, bekerja, berbincang, bermain permainan video, atau bersosial media. Dapatan kajian Knebel et al. (2022) memperoleh nilai S-CVI lebih tinggi berbanding dapatan kajian ini kerana penggunaan kaedah yang berbeza dalam menilai kesahan kandungan dengan pendekatan CVI.

Rumusannya, nilai S-CVI bagi konstruk sikap keusahawanan dalaman adalah 0.93, melebihi nilai ambang 0.90 bagi menentukan penerimaan instrumen sebagai skala pengukur konstruk kajian. Oleh itu, instrumen adaptasi yang telah melalui proses pengesahan pakar dan pengubahsuaian boleh ke peringkat seterusnya dalam sesebuah kajian kuantitatif iaitu kajian pra dan kajian rintis bagi menilai ketekalan dalaman, kesahan konvergen dan diskriminan serta menilai kebolehpercayaan instrumen. Instrumen kemaskini selepas pengesahan oleh pakar disusun semula mengikut nombor berurutan bagi setiap konstruk tanpa melangkaui urutan nombor disebabkan oleh pengukuran dua item.

5. Cadangan dan Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan pelaksanaan analisis kesahan kandungan kaedah CVI sebagai langkah penting dalam pembangunan dan adaptasi instrumen kajian. Lapan orang panel pakar telah menyemak dan menilai setiap item dalam instrumen serta memberi komen atau cadangan penambahbaikan bagi item yang meragukan. Kesahan kandungan instrumen sikap keusahawanan dalaman adalah wajar dan boleh diterima. Menurut skor I-CVI yang dikira bagi 17 item yang dinilai, 15 item diterima dan dua item digugurkan. Item-item diterima dengan pernyataan asal atau diubah suai berdasarkan saranan pakar. Kaedah CVI ialah alat pengukuran alternatif selain daripada kaedah CVR (Content Validity Ratio), FDM (Fuzzy Delphi Method), NGT (Nominal Group Technique) atau mana-mana kaedah yang mengukur persetujuan pakar menggunakan analisis statistik.

Menurut pendapat panel, item SK7 "Saya sentiasa berusaha untuk memberikan kepuasan yang terbaik kepada pelanggan" agak samar dan mengelirukan guru pelatih sebagai responden dalam memberi penilaian berkaitan kepuasan yang terbaik yang dimaksudkan. Sementara itu, subjek pelanggan juga mengundang tafsiran yang pelbagai berkaitan pelanggan dalam konteks yang tidak jelas, sama ada murid, ibubapa, komuniti persekitaran, atau pelanggan barang jualan. Manakala item SK13 "Saya akan sentiasa memberi pandangan yang munasabah dalam menangani sesuatu situasi" perlu digugurkan kerana menurut tiga orang panel yang sependapat bahawa pernyataan item tidak kukuh dalam mendapatkan perbezaan maklum balas responden berkaitan frasa 'pandangan yang munasabah' dengan hujah responden pasti akan memberi maklum balas bahawa mereka akan memberikan pandangan yang munasabah bagi apa-apa situasi. Sementara itu, item SK8 diubahsuai pernyataannya berdasarkan cadangan dan komen pakar daripada "Saya menerima kesilapan yang dilakukan walaupun ia tidak patut berlaku" kepada pernyataan lebih ringkas dan memberi maksud yang lebih jelas untuk dinilai oleh responden iaitu "Saya dapat menerima kesilapan sendiri yang dilakukan sebagai pengajaran".

Selain itu, analisis menyeluruh mengenai kedudukan ujian psikometrik sebagai alat pengukuran masih diperlukan. Justeru, kajian pada masa hadapan harus menyokong analisis kesahan yang betul bagi setiap instrumen untuk meningkatkan kebolegunaan instrumen pengukuran. Lantaran itu, kajian pra dan kajian rintis akan menggunakan versi instrumen yang dikemaskini dan disahkan oleh pakar untuk seterusnya diuji kesahan dan kebolehpercayaan item dengan analisis statistik yang berkaitan setelah data kajian dikutip daripada responden. Maka, dengan menunjukkan cara menilai kesahan kandungan instrumen menggunakan kaedah CVI, kajian kesahan kandungan pada instrumen sikap keusahawanan dalaman ini telah menambah bidang pengetahuan tentang kajian kesahan instrumen sebelum kajian sebenar dilaksanakan. Seterusnya analisis dan kajian lanjutan dicadangkan dengan menggunakan instrumen yang telah disahkan bagi menilai hubungan dan pengaruh antara sikap keusahawanan dalaman dengan kesediaan penerapan elemen keusahawanan.

Secara keseluruhannya, disimpulkan bahawa objektif kajian ini telah tercapai bagi mengenal pasti kesahan kandungan instrumen sikap keusahawanan dalaman bagi guru pelatih TVET. Berdasarkan maklum balas soal selidik daripada lapan orang pakar kandungan yang terdiri daripada pakar profesional dan pakar awam, data yang dianalisis mendapati dua item tidak mencapai nilai minima penerimaan item I-CVI=0.78 dan telah digugurkan. Manakala, satu item diubahsuai berdasarkan saranan panel pakar. Dengan itu, 15 item bagi instrumen sikap

keusahawanan dalaman mencapai nilai I-CVI melebihi 0.78 telah diterima dengan S-CVI/Ave mencapai nilai 0.93 melebihi nilai ambang 0.90 bagi penerimaan sesuatu instrumen sebagai memiliki kesahan kandungan.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia utama, penyelia bersama dan para panel penilai atas panduan dan cadangan yang diberikan dalam menyiapkan penulisan ini. Terima kasih kepada semua pihak yang menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam merealisasikan kajian ini.

Konflik Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan makalah ini.

Sumbangan Penulis

Penulis mengesahkan sumbangan kepada artikel ini seperti berikut: **konsepsi dan reka bentuk kajian:** Zabidi, Siti Zuraidah, Noor Hazlina; **pengumpulan data:** Zabidi; **analisis dan interpretasi hasil:** Zabidi, Siti Zuraidah; **penyediaan draf manuskrip:** Zabidi, Siti Zuraidah, Noor Hazlina. Semua penulis telah menilai hasil dan meluluskan versi terakhir manuskrip.

Rujukan

- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behaviour and Human Decision Process*, 50, 179–211.
- Ali, R. (2019). Sikap keusahawanan dalaman, kompetensi keusahawanan dan kesediaan penerapan elemen Keusahawanan dalam kalangan pensyarah ipg: Implikasi perubahan kurikulum. In *Tesis Ijazah Doktor Falsafah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ali, R., & Buang, N. A. (2018). Kesediaan pelaksanaan penerapan elemen keusahawanan terhadap struktur kurikulum program ijazah aarjana muda perguruan institut pendidikan guru Malaysia. *MUADDIB Jurnal Penyelidikan*, 12(1). <http://www.myjurnal.my/public/article-view.php?id=148491>
- Ali, R., & Buang, N. A. (2019). Personaliti keusahawanan sebagai satu keperluan kesediaan penerapan elemen keusahawanan dalam pendidikan. *MUADDIB Jurnal Penyelidikan*, 13(1), 61–73.
- Antonic, B., & Hisrich, R. D. (2003). Clarifying the intrapreneurship concept. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, 10(1), 7–24. <https://doi.org/10.1108/14626000310461187>
- Ary, D., Cheser Jacobs, L., Sorensen Irvine, C. K., & Walker, D. A. (2019). *Introduction to research in education* (10th ed.). Cengage Learning.
- Awosika, O. F., Abumchukwu, A. A., & Oguejiofor, C. N. (2021). Challenges faced By biology teachers in the implementation of entrepreneurship education in anambra state. *South Eastern Journal of Research and Sustainable Development*, 6(1), 40–57.
- Bougie, R., & Sekaran, U. (2020). *Research methods for business* (8th ed.). Wiley.
- Buang, N. A. (2013). *Pendidikan keusahawanan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2018). *Research methods in education* (8th ed.). Routledge.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). SAGE Publication.
- Deveci, I., & Seikkula-Leino, J. (2018). A review of entrepreneurship education in teacher education. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 15(1), 105–148. <https://doi.org/10.32890/mjli2018.15.1.5>
- Faizu, F. C., & Othman, N. (2020). Tahap pengetahuan asas keusahawanan terhadap keinginan memilih kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar kelas aliran agama. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(2), 240–254.
- Gantung, J. G., & Othman, N. (2018). Tahap amalan dan perbezaan kepimpinan keusahawanan dalam kalangan pentadbir sekolah menengah di daerah Simunjan mengikut demografi. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(22), 14–27. www.ijepc.com
- Ilias, K., Md Noor, M., Awi, A., Rahman, R. A., Majid, N. A., & Zulkurnaini, M. K. A. (2020). Kemahiran generik dan pencapaian akademik pelajar institut pendidikan guru kampus Ipoh. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 19(1), 57–63.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2019). *Buku panduan kemahiran insaniah IPGM* (Issue Oktober). Pusat Kecemerlangan Akademik Institut Pendidikan Guru Malaysia.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2022). *Buku panduan kemahiran insaniah IPGM*. In S. I. Nazifah & A. K. Razila (Eds.), *Pusat Kecemerlangan Akademik IPGM* (Edisi Kema, Issue Jun). Pusat Kecemerlangan Akademik Institut Pendidikan Guru Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Kurikulum standard sekolah rendah: buku panduan elemen keusahawanan*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.

- Knebel, M. T. G., Costa, B. G. G., Santos, P. C. Dos, Sousa, A. C. F. C. de, & Silva, K. S. (2022). The conception, content validation, and test-retest reliability of the questionnaire for screen time of adolescents (QueST). *Pediatrics*, 158(2), 175–182.
- Lynn, M. R. (1986). Determination and quantification of content validity. *Nursing Research*, 35, 465–472.
- Marzuki, M. F. M., Yaacob, N. A., & Yaacob, N. M. (2018). Translation, cross-cultural adaptation, and validation of the Malay version of the system usability scale questionnaire for the assessment of mobile apps. *JMIR Human Factors*, 5(2), 1–7. <https://doi.org/10.2196/10308>
- Mensan, T., Osman, K., & Abdul Majid, N. A. (2020). Development and validation of unplugged activity of computational thinking in science module to integrate computational thinking in primary science education. *Science Education International*, 31(2), 142–149. <https://doi.org/10.33828/sei.v31.i2.2>
- Mohamad, R., & Othman, N. (2018). Korelasi efikasi sendiri keusahawanan dan kecenderungan keusahawanan pelajar pra-universiti. *Akademika*, 88(2), 59–70.
- Nasir, S. M., & Safran, N. A. A. (2014). Ciri-Ciri keusahawanan dalam kalangan guru pelatih. *Jurnal Personalia Pelajar*, 17, 1–8. http://www.ukm.my/personalia/wp-content/uploads/2015/06/Paper-1_2014_Shamsiah-et.al_IPGKPT.pdf
- Njati, I. C. (2020). Entrepreneurial skills enhancement among bachelor of education science students through entrepreneurship training. *IOSR Journal of Research & Method in Education (IOSR-JRME)*, 10(2), 46–52. <https://doi.org/10.9790/7388-1002064652>
- Omar, M. K., Ismail, K., Abdullah, A., Kadir, S. A., & Jusoh, R. (2021). Embedding entrepreneurial knowledge in vocational college curriculum: A case study of the competency of TVET instructors. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 29, 101–117. <https://doi.org/10.47836/pjssh.29.s1.06>
- Omar, N. H., & Othman, N. (2021). Sikap keusahawanan dan pencapaian prestasi subjek perniagaan murid sekolah menengah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 252–264.
- Ong, Y. M., Low, L. K., Tan, A. L., Ooi, S. Y., Lam, S. T., & Kuan, B. H. (2020). Tahap kemahiran insaniah dalam kalangan siswa guru ipg kampus Ipoh. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 18(2), 116–131.
- Pinchot, G. I. (1987). Innovation through intrapreneuring. *Research Management*, 30(1), 14–19. <https://doi.org/10.1080/00345334.1987.11757021>
- Polit, D. F., & Beck, C. T. (2006). The content validity index: Are you sure you know what's being reported? Critique and recommendations. *Research in Nursing & Health*, 29, 489–497. <https://doi.org/10.1002/nur>
- Polit, D. F., Beck, C. T., & Owen, S. S. (2007). Is the CVI an acceptable indicator of content validity? Appraisal and recommendations. *Research in Nursing & Health*, 30, 459–467. <https://doi.org/10.1002/nur>
- Rahimi, F., & Buang, N. A. (2017). Perbandingan tahap sikap keusahawanan, sumber dorongan, dan efikasi sendiri dengan tahap aspirasi keusahawanan mahasiswa jurusan ekonomi, ukm, upm dan usim. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1(1), 29–38.
- Rahman, S. A., Othman, N., & Talkis, N. B. M. (2020). The influence of attitude, interest, teachers and peers on entrepreneurial career intention. *Universal Journal of Educational Research*, 8(11 A), 78–88. <https://doi.org/10.13189/ujer.2020.082110>
- Ramli, N. J., & Seman, N. A. A. (2020). Kajian mengenai niat keusahawanan mengikut teori tingkah laku terancang. *Research in Management of Technology and Business*, 1(1), 984–998.
- Rauch, A., & Frese, M. (2000). Psychological approaches to entrepreneurial success: A general model and an overview of findings. In C. . Cooper & I. . Robertson (Eds.), *International Review of Industrial and Organizational Psychology* (pp. 101–142). Wiley.
- Sapena, N. R., Sanchez, M. E. G., & Moncho, J. (2022). Validation of a questionnaire of food education content on school catering websites in Spain. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 19(6). <https://doi.org/10.3390/ijerph19063685>
- Te, T. S., Abdullah, A., & Rashid, A. M. (2019). Pengaruh faktor terpilih terhadap aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar kolej komuniti. *Akademika*, 89(3), 41–52.
- Wahab, Z. A., Osman, S. Z. M., & Ahmad, N. H. (2024). Sikap keusahawanan dalaman, kompetensi keusahawanan dan kesediaan penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan guru pelatih. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 9(53), 283–295. <https://doi.org/10.55573/IJAFB.095327>
- Yusoff, M. S. B. (2019). ABC of content validation and content validity index calculation. *Education in Medicine Journal*, 11(2), 49–54. <https://doi.org/10.21315/eimj2019.11.2.6>
- Zulfikri, A. Z. (2021). Sikap keusahawanan dalaman, kompetensi keusahawanan dan kesediaan penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan guru prasekolah. In *Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.